

# PROGRAM JIWA MURNI

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4797-program-jiwa-murni-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4797-program-jiwa-murni-2)

SUBANG, 5 Apr 19 – Pusat Kawalan Lalulintas Udara Bersama TUDM (PUKALUB) telah menganjurkan program jiwa murni iaitu pembersihan kawasan persekitaran di Masjid An-Nur serta gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan Kg Melayu Subang.

Program yang dianjurkan bersama penduduk setempat ini telah disertai oleh ADUN Damansara, Tuan Hj Shatiri Mansor.

Aktiviti sedemikian dapat memupuk nilai murni dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga TUDM dan masyarakat setempat



